

# UMS pandang serius penularan wabak Novel Koronavirus 2019

NST 02/02/20 5



TAUFIQ (kiri) ketika ditemui pemberita dan ditemani oleh Ritchie (kanan).

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

**KOTA KINABALU:** Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin memberitahu bahawa UMS memandang serius tentang penularan wabak Novel Koronavirus 2019 (2019-nCoV) dan telah mewujudkan satu jawatankuasa bertindak bagi menangani masalah itu di peringkat universiti.

"Kita ada kebimbangan dan keraguan yang sama tentang virus ini dan kita setiap hari menerima kemasukan pelancong lebih daripada 1,000 orang dari pelbagai negara.

"Namun lebih 80 peratus daripadanya adalah pelancong dari negara China," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita dalam Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina 2020 anjuran Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) di sini pada Jumaat malam.

Menurut Taufiq, jawatankuasa bertindak yang ditubuhkan menjalankan peranan bagi memastikan penularan wabak ini mampu disebat sebaiknya daripada memasuki dan menjelaskan pelajar di dalam kawasan kampus.

"Apa yang kita buat ialah kita adalah screening di depan pintu masuk untuk memastikan pelancong yang masuk ke kampus kita bagi tujuan lawatan dan pelancongan adalah bebas daripada penyakit dan bebas daripada demam sekurang-kurangnya.

"Kita bimbang sekiranya kita tidak mengambil serius isu ini, kita khuatir jika virus ini terkena kepada pelajar kita di dalam kampus dan kita tidak mahu perkara sebegini berlaku," katanya.

Jelas Taufiq lagi, kemasukan pelancong dari negara China ke dalam kampus turut merosot sehingga 50 peratus dan turut memberi kesan kepada eko pelancongan kampus UMS.

"Namun kita yakin ini adalah bagi

tempoh jangka masa pendek, kita amat berharap semuanya akan pulih seperti sediakala dan virus penyakit ini akan reda sepatutnya, insyaAllah," ujar beliau lagi.

Beliau yang juga merupakan Presiden MACMA turut berkongsi kegembiraan sambutan perayaan Tahun Baru Cina dengan komuniti masyarakat yang merayakannya.

Katanya, komuniti Cina muslim masih mengamalkan dan menyambut perayaan serta budaya daripada nenek moyang yang diwarisi asalkan ia tidak bertentangan dengan syariat agama Islam.

"Kita sebenarnya amat berbangga kerana kita menyambut perayaan ini berama pelbagai rakan serta keluarga, walaupun kita beragama Islam, dan adat resam yang diwarisi dari masyarakat Cina tidak kita ketepikan, asalnya ia tidak berenggang dengan perintah serta larangan agama Islam," katanya lagi.

Dalam pada itu, Pengerusi MACMA Sabah Ritchie Jay Cheng juga turut memberitahu bahawa lebih 500 orang hadir memeriahkan majlis tersebut.

"Kita amat berbesar hati dengan adanya peluang untuk kita bersua berramai-ramai dalam majlis yang telah masuk penganjuran kali kelima ini dan acara ini telah menjadi acara tahunan kita, sama seperti acara iftar yang juga kita adakan setiap tahun," katanya.

Ritchie juga memberitahu bahawa MACMA bakal mengadakan satu sesi pertemuan bersama semua ahli jawatankuasa MACMA di seluruh negara yang bakal dihoskan oleh MACMA Sabah pada Jun depan.

"Untuk pengetahuan semua, kita bakal mengadakan pertemuan dan dianggarkan lebih 200 orang ahli jawatankuasa MACMA dari semua negeri akan hadir," ujar beliau lagi.